

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15/11/12011

Pendekatan berbeza menjadikan pembaharuan satu gagasan besar bangunkan negara

# APEC minat cara Malaysia

**HONOLULU 14 Nov.** - Pemimpin tertinggi negara-negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan pemimpin pemiagaan rantau ini menunjukkan minat dengan pendekatan berbeza Malaysia yang menjadikan pembaharuan sebagai satu gagasan besar untuk membangunkan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sedang negara lain membuat pembaharuan dalam birokrasi tetapi Malaysia menjadikan pembaharuan itu sebagai sebahagian daripada gagasan besar yang berdasarkan Model Baru Ekonomi (MBE).

"Dan kita mempunyai perancangan jangka panjang yang terperinci selama 10 tahun. Walaupun negara lain ada pembaharuan tetapi ia tidak dikaitkan dengan satu gagasan seperti dilakukan di Malaysia," katanya kepada wartawan Malaysia pada hari terakhir Sidang Kemuncak APEC di sini Ahad.

Najib diminta mengulas reaksi terhadap celahan beliau semasa sesi dialog antara Pemimpin APEC dan ahli Majlis Penasihat Pemiagaan APEC (ABAC) Terdahulu para pemimpin 21 negara APEC bertemu pada Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC (AELM).

Semasa sesi dialog itu, Najib berkata, beliau telah menceritakan pengalaman Malaysia yang bermula dengan visi jangka panjang berdasarkan wawasan untuk menjadikan Malaysia negara maju dan berpendapatan tinggi.

Katanya, beliau juga menjelaskan bagaimana kerajaan mengubal MBE yang boleh membawa negara mencapai visinya melalui transformasi ekonomi dan inisiatif pembaharuan strategik.

"Saya terangkan sektor swasta memberikan respons positif sekiranya kita memberi peluang dan menunjukkan bidang-bidang yang kita beri keutamaan," jelasnya.

Menurut Perdana Menteri, kesan daripada pembaharuan itu telah



mendorong kepada peningkatan pelaburan iaitu sejak Program Transformasi Ekonomi (ETP) Malaysia telah berjaya menarik pelaburan sebanyak AS\$60 billion dan mewujudkan hampir 400,000 peluang pekerjaan.

"Saya juga kata kita telah buat pembaharuan dalam dengan menubuhkan Pemudah (Petugas Khas Pemudahcara Pemiagaan) dan Pemandu (Unit Pengurusan

Prestasi dan Pelaksanaan) untuk menggabungkan pendapat sektor swasta dan kerajaan.

"Pembaharuan peraturan struktural ini serta mengurangkan kerena birokrasi dan usaha-usaha lain telah meningkatkan ranking Malaysia daripada 21 kepada 18 sekarang mengikut kajian Bank Dunia," tambahnya.

Mengulas kenyataan bersama APEC yang dikeluarkan pada akhir mesyuarat, Najib berkata, pemimpin negara anggota melihat pentingnya Asia Pasifik sebagai satu wilayah berusaha dan mencari pendekatan untuk terus mengembangkannya ekonomi melalui dasar liberalisasi dan penubuhan kawasan perdagangan bebas Perkongsian Trans-Pasifik (TPP).

Negara anggota juga katanya, sepakat mengenai perlunya melakukan pembaharuan structural dalam yang selama ini menjadi penghalang atau menghambat sektor swasta untuk menjalankan perniagaan kerana kesannya boleh melambatkan perkembangan ekonomi negara masing-masing.

Hari ini, para pemimpin APEC turut mendengar taklimat daripada



NAJIB Tun Razak bersama Timbalan Perdana Menteri New Zealand, Bill English ketika menghadiri mesyuarat Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang dipengerusikan oleh Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama di Honolulu, Hawaii, kelmarin. BERNAMA

Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Christine Lagarde dan Setiausaha Tenaga AS, Steven Chu.

Najib berkata, Chu telah menjelaskan mengenai amalan piawaian penggunaan peralatan elektrik yang telah dapat mengurangkan kos peralatan dan pada masa sama meningkatkan kecekapan pengurusan tenaga.

"Contohnya peti sejuk yang harganya telah menurun dari semasa ke semasa dan pada masa sama peningkatan kecekapan pengurusan tenaga juga begitu ketara. Jadi disarankan kita tidak perlu mencari

formula bam tapi gunakan piawaian yang telah digunakan di negara lain," katanya.

Seorang pakar tenaga dunia yang turut memberi taklimat kata Najib, menyatakan bahawa berbanding minyak, gas asli mempunyai kelebihan dari segi kualiti dan kuantiti dengan beberapa negara masih mempunyai sumber yang mampu bertahan selama 250 tahun termasuk Australia, Kanada dan AS.

Dalam pada itu ditanya mengenai perbezaan Sidang Kemuncak APEC kali ini, beliau berkata, walaupun mesyuarat dibayangi dengan krisis ekonomi di Eropah te-

tapi ia tidak mematahkan semangat negara anggota untuk terus mengukuhkan kerjasama.

"Mereka mengingatkan supaya masalah yang kini melanda Eropah tidak dipinggirkan kerana akan beri kesan kepada seluruh dunia jika semakin buruk," katanya.

Najib yang diiringi isteri, Datin Seri Rosmah Mansor turut meraikan rakyat Malaysia yang berada di Hawaii termasuk sekumpulan guru yang dulu pernah terlibat dalam program Peace Corps pada majlis makan malam BBQ 1Malaysia sebelum berlepas pulang ke tanah air.

- UTUSAN